



Ruj.Kami : JPA.600-5/4/50 (17)

Tarikh : 25 Julai 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/
Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN JAWATAN PEMBANTU
TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N26
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam tindakan untuk melaksanakan urusan pemangkuan bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] dari Gred N22 ke Gred N26 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan bagi mengisi **27 kekosongan jawatan mengikut negeri seperti di Lampiran 1**. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat PT(P/O) Gred N22 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 pada **30 Jun 2013 dan sebelum;**

..2/-

- (ii) Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh naik pangkat sebagai PT(P/O) Gred N22 berubah ke tarikh 1 Julai 2013 dan seterusnya;
- (iii) Markah LNPT tahun terkini (2023) dan markah keseluruhan LNPT bagi tiga tahun terkini (2021, 2022 dan 2023) tidak kurang 80%;
- (iv) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- (vi) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (vii) Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- (viii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Pegawai yang bersetuju untuk memangku di jawatan ini disyaratkan **tidak boleh bertukar ke penempatan lain termasuk secara dalaman Kementerian/ Agensi bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh kuat kuasa pemangkuan.**

4. Bagi PT(P/O) Gred N22 yang telah genap 13 tahun perkhidmatan dalam gred kenaikan pangkat lapisan pertama, tidak perlu menunggu urusan pemangkuan ke Gred N26 kerana pegawai telah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred N26 secara TBK2 dan sekiranya ingin melaksanakan tugas secara hakiki, ia boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- (i) **Pegawai memohon sendiri** pertukaran melalui sistem HRMIS ke lokasi di mana terdapat kekosongan jawatan hakiki dengan menyatakan alasan pertukaran “mengisi hakiki Gred N26”. Pihak JPA akan menguruskan pertukaran tersebut ke Gred N26 hakiki di mana-mana jabatan tertakluk kepada kekosongan dan giliran pertukaran;

atau

- (ii) **Ketua jabatan mengemukakan permohonan kepada JPA**, untuk menempatkan pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara TBK2 ke jawatan hakiki di Kementerian / Jabatan jika terdapat kekosongan jawatan hakiki.

5. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan format **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti dilampirkan. **Hanya calon yang bersedia untuk penempatan seperti disyaratkan sahaja digalakkan untuk memohon.** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian / Jabatan / Agensi hendaklah melengkapkan maklumat calon terlibat berdasarkan format di **Lampiran E** dan mengemukakannya ke Bahagian Perkhidmatan, JPA menerusi e-mel pegawai seperti di Perenggan 9.

6. Manakala dokumen permohonan pegawai seperti format **Lampiran A, B, C dan D** dikemukakan kepada alamat seperti di bawah. Kesemua perkara berkenaan perlu dikemukakan **sebelum atau pada 30 Ogos 2024.**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

7. BPSM Kementerian / Jabatan / Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan juga perlu memastikan supaya **hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan sahaja** seperti dinyatakan di **Perenggan 2** dikemukakan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA. Selain itu, BPSM perlu menyemak dan mengesahkan agar semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat terkini yang dicatatkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tersebut tidak dipertimbangkan. Selain itu, maklumat pegawai yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

8. Untuk makluman, urusan penempatan pemangkuan PT(P/O) Gred N26 akan dilaksanakan berdasarkan keputusan senarai pegawai yang diperakukan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Kumpulan Pelaksana (Gred 18-26) Perkhidmatan Gunasama Persekutuan dan dipadankan dengan susunan keutamaan mengikut tarikh kekosongan hakiki semasa.

9. Bagi memastikan urusan ini dilaksanakan secara teratur, disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pengisian Pemangkuan Jawatan PT(P/O) Gred N26 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran 2** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh diajukan kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani - 03-8885 4943
zahrin.rani@jpa.gov.my
- (ii) Puan Nor Atikah binti Mohd Ariff - 03-8885 4739
atikah.ariff@jpa.gov.my


10. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my

**STATUS KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR (P/O)
GRED N26 MENGIKUT NEGERI**

BIL	NEGERI	KEKOSONGAN SEMASA
1.	Johor	1
2.	Melaka	0
3.	Pahang	1
4.	Negeri Sembilan	3
5.	Selangor	7
6.	Perak	4
7.	Terengganu	0
8.	Kelantan	0
9.	Pulau Pinang	4
10.	Kedah	0
11.	Perlis	0
12.	Sabah	1
13.	Sarawak	2
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4
15.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	0
16.	Wilayah Persekutuan Labuan	0
JUMLAH		27

**Dikemaskini sehingga 17.07.2024*

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN
JAWATAN PT(P/O) GRED N26
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

